

Soalan No:51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]****TARIKH : 29.11.2017****SOALAN :**

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama SJKC yang tidak mengeluarkan resit rasmi kepada ibu bapa untuk pembelian buku teks, buku latihan dan buku rujukan serta menyenaraikan sekolah yang didapati terlibat dalam pengelakan cukai atau salah guna kuasa dan apakah tindakan susulan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menerima sebarang aduan rasmi berkaitan dengan sekolah tidak mengeluarkan resit rasmi pembelian buku latihan dan buku rujukan kepada ibu bapa. Urusan penjualan peralatan murid termasuk buku-buku di sekolah dilakukan oleh pihak Kedai Buku atau Koperasi Sekolah yang sentiasa dipantau oleh pentadbir sekolah. KPM akan membuat siasatan mengikut prosedur sedia ada jika menerima aduan rasmi berkaitan salah guna kuasa pihak sekolah dan akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan bagi menangani perkara tersebut.